

11/10/1998

Yayasan Guru sokong PM

KUALA LUMPUR: Yayasan Guru Malaysia Berhad semalam sebulat suara menyokong kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha menangani masalah negara ketika ini.

Resolusi itu yang dipersetujui 150 ahli pada mesyuarat agungnya, turut melahirkan sokongan terhadap usaha kerajaan memperjuangkan cita-cita menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang abad ke-21.

Usul itu dikemukakan oleh Timbalan Pengerusi YGMB, Muhammad Mustapha, yang mewakili pihak Lembaga Amanah badan itu, juga menaruh keyakinan di atas keupayaan dan kebijaksanaan Perdana Menteri bagi memulihkan ekonomi negara dan mengangkat martabat bangsa Malaysia seperti digarap dalam Wawasan 2020.

(END)